

04 JUN 1999

Samy-Kroni

SAYA AKAN DEDAHKAN NAMA-NAMA KRONI, KATA SAMY VELLU

KUALA LUMPUR, 4 Jun (Bernama) -- Presiden MIC Datuk Seri S. Samy Vellu berkata kerajaan pimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tidak mengamalkan sistem kroni di dalam pentadbirannya sebaliknya golongan yang menuduhnya bertindak sedemikian adalah mereka yang paling kerap melakukannya.

Samy Vellu, yang juga Menteri Kerja Raya, berkata kementerian mempunyai bukti yang kukuh dan sahih mengenai syarikat-syarikat yang kerap mendapat kontrak kerajaan dan beliau bersedia mendedahkannya pada masa yang sesuai.

"Bila tiba masanya, saya akan mengeluarkan semua nama-nama kroni yang telah mendapat berjuta-juta ringgit kontrak dari Kementerian Kerja Raya," katanya kepada pemberita selepas melancarkan album penyanyi Iwan "Memang Enak", di Restoran Jejantas Sungai Buloh, hari ini.

"Kira-kira 75 peratus kerja-kerja itu (kroni), semuanya dilakukan ketika mereka berada di tampuk kekuasaan di dalam kementerian. Pada masa itu, Perdana Menteri tidak memberi projek, beliau tidak meluluskannya, tiada kaitan dengan tender dan tiada kaitan dengan apa-apa perbelanjaan yang telah berlaku," katanya.

"Sekarang orang memanggil Dr Mahathir kroni. Beliau bukan kroni, orang yang memanggilnya kroni adalah kroni besar," katanya.

Samy Vellu menyifatkan golongan dan individu yang menuduh kerajaan mengamalkan sistem kronisme umpama "budak kecil yang tidak berakal" dan mereka adalah pihak yang bertanggungjawab memulakannya.

Beliau juga tidak yakin dengan cadangan pembangkang untuk menggilirkan jawatan Perdana Menteri di antara pemimpin-pemimpin parti utama jika mereka memenangi pilihan raya umum akan datang.

Samy Vellu mengulas kenyataan pengerusi DAP, Chen Man Hin, hari ini bahawa jawatan perdana menteri akan digilirkan di antara parti-parti pembangkang jika mereka memenangi pilihan raya.

-- BERNAMA

MHI NAK